



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**KURSUS : PRINSIP PENGURUSAN**  
**KOD KURSUS : DSM1013**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:  
BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak termasuk muka hadapan*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.


**SOALAN 1**

- (a) Apakah maksud pengurusan? Nyatakan **lima (5)** elemen penting yang perlu ada dalam pengurusan organisasi?  
(6 markah)
- (b) Berikan **dua (2)** perbezaan antara pengurus atasan dan pengurus bawahan.  
(4 markah)

**SOALAN 2**

- (a) Apakah maksud perancangan? Terangkan **tiga (3)** prinsip utama apabila membuat perancangan dalam pengurusan sumber manusia.  
(5 markah)
- (b) Terangkan **lima (5)** ciri perancangan yang berkesan.  
(5 markah)

## SOALAN 3



Rajah 1 : Proses Membuat Keputusan

- (a) Rajah 1 adalah langkah yang perlu diambil dalam proses membuat keputusan. Namakan langkah yang berlabel **X** dan jelaskan perkara yang perlu dilakukan oleh pengurus pada peringkat ini.

(5 markah)

- (b) Jelaskan **tiga (3)** jenis penjabatan di dalam struktur organisasi.

(5 markah)

**SOALAN 4**

(a) Apakah maksud kepimpinan? Senaraikan **empat (4)** faktor pemimpin perlu kepada organisasi.

(6 markah)

(b) Menurut Blake & Mouton (1964), terdapat **empat (4)** stail kepimpinan atau gaya kepimpinan bagi seorang pemimpin menggunakan kuasanya untuk mempengaruhi pekerja bawahannya. Jelaskan.

(4 markah)

**SOALAN 5**

(a) Tuliskan nota ringkas mengenai *Total Quality Management (TQM)*

(4 markah)

(b) Terangkan perbezaan bagi istilah-istilah berikut;

(i) Kawalan selepas tindakan dan Kawalan serentak. (3 markah)

(ii) Kawalan output (prestasi) dan Kawalan tingkah laku. (3 markah)

**SOALAN 6**

(a) Apakah maksud pengurusan strategik?

(2 markah)

(b) Huraikan **empat (4)** elemen pengurusan strategik.

( 8 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mngandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

**SOALAN 1**

Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan individu berkualiti, produktif dan seterusnya meminimumkan masalah yang berkaitan dengan sumber manusia. Oleh itu pengurus dan proses pengurusan adalah dua perkara yang saling berkait rapat. Pengurus perlu melaksanakan proses pengurusan supaya organisasi berjalan lancar dan berdaya saing.

- (a) Terangkan maksud proses pengurusan.

(4 markah)

- (b) Huraikan dengan contoh yang sesuai **empat (4)** fungsi utama yang menjayakan proses pengurusan.

(16 markah)

**SOALAN 2**

Pada umumnya, motivasi merupakan proses pertama dalam kelakuan manusia. Misalnya seorang pekerja akan merasa puas hati apabila dia dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna. Motivasi itu menggambarkan pandangan dan sikap yang unik yang ada pada seseorang.

- (a) Apakah definisi motivasi? Nyatakan **dua (2)** jenis motivasi berserta contoh yang sesuai.

(4 markah)

- (b) Menurut Abraham Maslow, setiap pekerja akan membawa keinginan, sikap dan keperluan masing-masing di tempat kerja. Beliau juga menyatakan setiap orang mempunyai keperluan untuk dipenuhi. Dengan bantuan rajah Hierarki Keperluan Maslow, huraikan tentang keperluan bermula keperluan yang paling rendah hingga kepada keperluan yang paling tinggi. (16 markah)



**SOALAN 3**

Pendekatan dan amalan-amalan pengurusan tidak lahir dalam satu malam, malah ianya berkembang sejak beberapa ribu tahun yang lalu. Pendekatan-pendekatan teori ini dapat menjelaskan tentang perkembangan amalan-amalan pengurusan yang berubah mengikut perubahan masa. Begitu juga dalam pengurusan, elemen komunikasi adalah elemen terpenting selepas ilmu tentang pengurusan.

- (a) (i) Terangkan **empat (4)** bentuk komunikasi yang berlaku di tempat kerja.  
(4 markah)
- (ii) Terangkan **empat (4)** etika komunikasi dalam Islam.  
(8 markah)
- (b) Huraikan mengenai Pendekatan Perspektif Tingkah Laku dan Pendekatan Perspektif Luar Jangka dalam perkembangan teori-teori pengurusan.  
(8 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

